



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Sejak awal tahun ini kita dikejutkan dengan beberapa tragedi berdarah membabitkan serangan dan jenayah berat yang berlaku di seluruh negara. Paling merisaukan kes tembak mati secara nekad, berani dan ala mafia yang menyaksikan kebanyakan mangsa mati di tempat kejadian. Rata-rata masyarakat mula risau apabila kes tembak mati ini semakin meningkat secara drastik.

Antara kes tembak mati yang menarik perhatian semua membabitkan seorang lelaki berusia 43 tahun yang maut ditembak di persimpangan lampu isyarat Jalan Taman Ibu Kota/Jalan Genting Klang ketika memandu kereta jenis Honda Accord dalam kejadian siang hari iaitu sekitar jam 3.35 petang.

Sebelum itu akbar melaporkan berlaku lima kes tembak dalam tempoh dua bulan yang antara lainnya empat sekeluarga mati ditembak di kilang memproses ayam di Pulau Pinang pada 13 Julai lalu, ejen hartanah, Datin Renynce Wong Siew Ling, 32, mati ditembak di Jalan Klang Lama pada 6 Julai lalu serta dua kes tembak mati melibatkan Setiausaha Cawangan PKR Miri, Bill Kayong, 43, di Kuching dan pemandu lori, Chon Siew Kiong, 36, di Bau, Sarawak pada 21 Jun lalu. Jelas rekod ini mula menggemparkan negara kita, sekali gus mencetuskan rasa panik dan takut dalam kalangan khalayak.

Walaupun hasil siasatan pihak berkuasa terhadap kes tembak ini menunjukkan pelbagai punca yang tersendiri seperti kes ceti haram, dendam dan perbalahan antara kongsi gelap, namun hakikatnya masyarakat mula bimbang secara keseluruhannya. Bagi penulis kerisauan masyarakat tetap ada asas yang kukuh berdasarkan statistik kes tembak sejak Januari tahun ini dilihat meningkat dan cukup merisaukan.

Tambahan pula kita juga semakin bimbang dengan ancaman penganas seperti

»Besar harapan kita agar pihak polis dapat menangkap mahupun menumpaskan penjenayah daripada terus membawa ancaman kepada rakyat dan negara

HARIAN METRO

HARIAN METRO



Terus pelihara keselamatan rakyat

kumpulan militan Daish di mana bilangan rakyat kita ditangkap bertambah dan jangan lupa kejadian letupan bom di Puchong disahkan sebagai hasil kerja kumpulan militan.

Maka secara umumnya rakyat mula bercakap-cakap secara serius tentang isu keselamatan dalam negara kita. Rata-rata masyarakat mahu pihak berkuasa mengambil langkah sewajarnya untuk terus keselamatan dalam negara.

Keselamatan rakyat wajar terus menjadi fokus utama. Kaji dan teliti betul-betul

kestabilan yang kita nikmati selama ini. Hakikatnya kita tidak mahu kompromi dalam aspek keselamatan rakyat dan negara ini. Perlu diingat ini bukan soal politik atau ekonomi tetapi ini membabitkan persoalan hidup atau mati serta keselamatan rakyat dan juga negara kita.

Justeru kita mohon pihak berkuasa terus pelihara dan tingkatkan tahap keselamatan dalam negara. Keselamatan rakyat wajar terus menjadi fokus utama. Kaji dan teliti betul-betul

bagaimana dan kenapa kes tembak dan jenayah berat seperti ini boleh meningkat secara mendadak. Apa puncanya sehingga harga nyawa seolah-olah semakin tidak bernilai. Juga perlu dilihat dari aspek teknikal misalnya adakah pada masa sekarang begitu mudah untuk peroleh senjata api yang membolehkan kes tembak semakin meningkat.

Kalau betul dari mana mereka perolehnya dengan mudah? Apakah aktiviti penyeludupan senjata apa

mula rancak sehingga menyumbang kepada peningkatan jenayah berat seperti ini dan jika benar di mana kesilapan atau kelebihannya? Juga siapakah kumpulan penembak ini, adakah semuanya membabitkan penembak upahan dari negara luar atau sebenarnya membabitkan rakyat tempatan dari geng penjenayah yang sedia ada. Persoalan seperti ini perlu dirungkai dengan segera supaya kita dapat tangani isu ini dari peringkat akar umbi lagi.

Dalam konteks ini penulis percaya dan yakin pihak polis kita memiliki kumpulan perisik yang hebat dan mampu menilai situasi yang berlaku sekarang seterusnya mengenal pasti individu atau kumpulan yang terbabit dalam siri serangan berdarah seperti ini.

Maka besarlah harapan kita agar pihak polis dapat menyusun strategi yang berkesan melalui Op Cantas Khas 2 membabitkan tiga pasukan operasi khas iaitu Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan

Gengsterisme (STAGG), Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) dan Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (Stafoc) yang sedang dilaksanakan untuk menangkap mahupun menumpaskan penjenayah seperti ini daripada terus membawa ancaman kepada rakyat dan negara.

Gunakanlah segala peruntukan undang-undang yang ada dengan sebijak yang mungkin demi memastikan negara dan rakyat kita terus dilindungi daripada ancaman berbahaya seperti ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM